

Tiong Lai Mahu JIT segerakan siasatan MH17

KUALA LUMPUR 20 Mei – Malaysia berharap siasatan jenayah tragedi pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH17 yang dilakukan oleh Pasukan Penyiasat Bersama (JIT) dipercepatkan bagi membolehkan dalang tragedi dibawa segera ke muka pengadilan.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, Kementerian Pengangkutan sentiasa menerima maklumat terkini berhubung siasatan jenayah itu namun ketika ini tiada perkembangan baharu diterima.

Menurutnya, pasukan polis negara juga terlibat dalam siasatan yang dijalankan oleh JIT terutamanya di Belanda dan Ukraine. "Setakat ini, tiada kesimpulan dibuat berhubung siasatan jenayah berkenaan.

Kita berharap siasatan berkenaan akan dipercepatkan supaya dapat membawa dalang ke muka pengadilan. "Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak kerana membantu dalam isu pendakwaan ketika bertemu dengan Presiden Rusia, Vladimir Putin," katanya selepas majlis perasmian Wall of Fame dan Bicara Alumni Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini hari ini. Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Senator Chong Sin Woon dan Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghani.

SUMBER : UTUSAN MALAYSIA | M/S: 9 | 21 MEI 2016